



SHARIFAH SALWA (tengah) beramah mesra dengan pesakit buah pinggang ketika hadir ke program Sentuhan Kasih Tahun Baru Cina di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Petronita sumbang mesin bantu pesakit buah pinggang

SUMBANGAN. Persatuan Isteri-Isteri dan Kakitangan Wanita Petronas (Petronita) menyumbang empat buah mesin dialisis automatik dan dua buah mesin hemodialisis kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) baru-baru ini.

Peralatan itu disampaikan oleh Presiden Petronita, Datin Sharifah Salwa Syed

Kamaruddin kepada Timbalan Presiden NKF, Goh Seng Chuan pada majlis Sentuhan Kasih Tahun Baru Cina di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Pada majlis itu, 35 pesakit buah pinggang menerima angpau masing-masing.

Sharifah Salwa berkata, program yang dilaksanakan sejak tahun 2005 itu

merupakan aktiviti tahunan bagi meraikan golongan anak yatim, miskin serta warga emas.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Datuk Norani Mohd. Hashim dan Pengurus Besar Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik Petronas, Norliza Kamaruddin.